

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI AZALINA OTHMAN SAID
[Pengerang]**

TARIKH : 10 OKTOBER 2019 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan akan menggugurkan Bahagian Penyemakan dan Pembaharuan Undang-Undang, Jabatan Peguam Negara selepas memperkenalkan Suruhanjaya Pembaharuan Undang-Undang bagi mengelakkan pembaziran sumber Kerajaan serta pertindihan serta adakah Rang Undang-Undang Suruhanjaya Pembaharuan Undang-Undang ini akan diedarkan untuk konsultasi awam sebelum dibawa ke Parlimen.

**JAWAPAN : YB DATUK LIEW VUI KEONG, MENTERI DI
JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sedang mengkaji kemungkinan menubuhkan Suruhanjaya Pembaharuan Undang-Undang sebagai sebuah badan bebas untuk mengkaji semula dan mengesyorkan pembaharuan undang-undang yang diperlukan kepada Kerajaan. Dalam konteks ini, cadangan penubuhan Suruhanjaya Pembaharuan Undang-Undang ini akan mempertimbangkan aspek-aspek utama seperti penetapan polisi yang jelas, kedudukan kewangan Kerajaan, pertindihan fungsi dengan entiti Kerajaan sedia ada, sumber manusia dan lain-lain yang berkaitan.

Dalam usaha ke arah penubuhan Suruhanjaya Pembaharuan Undang-Undang tersebut, Kerajaan komited untuk memastikan dasar baharu yang akan diperkenalkan ini melalui proses libat urus yang holistik bersama semua pihak berkepentingan termasuk edaran draf Rang Undang-Undang Suruhanjaya Pembaharuan Undang-Undang untuk konsultasi awam. Ini memastikan penglibatan menyeluruh semua lapisan masyarakat dalam sistem pentadbiran keadilan negara yang telus dan mampan.

Sekian. Terima kasih.